




Counselling & Therapy

AKADEMIK

Kelab Psikologi Kaunseling

Oleh: Cik Patricia Joseph Kimong, Ketua Program Psikologi Kaunseling



Logo CPC

Kelab Psikologi Kaunseling atau secara ringkasnya dikenali sebagai CPC telah ditubuhkan pada 4 April 2012 oleh sekumpulan mahasiswa/i daripada program Psikologi Kaunseling (HA19). Setakat ini CPC mempunyai 300 orang ahli yang terdiri daripada mahasiswa/i daripada program Ha19. Tujuan penubuhan CPC adalah untuk mengukuhkan jalinan dan berkongsi pengalaman antara mahasiswa/i kursus Psikologi Kaunseling (HA19). Selain itu, kelab ini turut bertujuan untuk memperkenalkan bidang Psikologi Kaunseling kepada mahasiswa/i Universiti Malaysia Sabah.

Penubuhan kelab membawa banyak manfaat kepada mahasiswa/i. Manfaat utama yang diperolehi pelajar adalah dari segi peningkatan dalam akademik melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah 'Seminar for APA Writing Style', 'Counselling Retreat Programme' dan 'Seed of Hope Exhibition'.

Seterusnya, mahasiswa/i daripada program HA19 dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan perasaan antara satu sama lain kerana kelab yang ditubuhkan ini menjadi sebuah medium dalam menjalinkan hubungan antara pelajar tahun 1, 2, 3 dan 4.

Pada masa yang sama, kelab ini turut membantu melahirkan mahasiswa/i yang mampu berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik. Akhirnya, kelab ini membantu dalam meningkatkan kemahiran kepimpinan dan pemikiran kritikal pelajar, melahirkan individu yang berkualiti tinggi dan melatih pelajar program Psikologi Kaunseling untuk menjadi seorang kaunselor yang berkualiti melalui aktiviti-aktiviti kelab yang dilaksanakan.

